

Dr M tidak faham niat pihak persoal guna bahasa Inggeris

BH - 13/11/2005

MASERU (Lesotho): Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan golongan yang tidak mahu penggunaan bahasa Inggeris untuk pengajaran Sains dan Matematik di sekolah sebagai chauvinis yang mungkin ada niat dan tujuan tertentu.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau sendiri tidak faham niat sebenar mereka mempersoalkan penggunaan bahasa Inggeris untuk subjek berkenaan.

"Saya tidak tahu sama ada ini kerana pelajaran atau sikap yang ada sedikit unsur chauvinis, tetapi untuk menyatakan bahawa anda tidak boleh mempelajari bahasa Inggeris adalah tidak masuk akal.

"Ini kerana seluruh dunia beralih kepada bahasa Inggeris, kita bukan seseorang. Orang Cina (di China) menggunakan bahasa Inggeris dan akan ada kira-kira 200 juta orang di China akan bercakap Inggeris," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri Dialog Global Antarabangsa Selatan Afrika 2005 (SA-ID-2005) di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang sebelum ini berkata beliau akan terus membangkitkan isu bahasa pengantar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda kerana ia masih menjadi teras perjuangan Gerakan sejak 2002.

Ditanya apa akan terjadi jika penggunaan bahasa Inggeris untuk pengajaran Sains dan Matematik yang diperkenalkannya itu tiga tahun lalu diubah kepada keadaan asal, Dr Mahathir berkata ia akan memberi kesan buruk dengan memisahkan antara satu sama lain.

"Sudahlah mereka (murid) tidak pergi ke sekolah sama... sekarang mereka mempunyai pengajaran dalam bahasa Cina, orang India dengan bahasa Tamil. Mereka mungkin tidak bercakap langsung antara satu sama lain, kita tidak perlu antara satu sama lain.

"Saya rasa setiap kali kita cuba merapatkan rakyat untuk bersama, ada orang 'chauvanist' muncul dengan idea bagaimana nak menjauhkan kita," katanya.

Mengenai siri dialog perkongsian pintar antarabangsa yang dipelopornya sejak 10 tahun lalu, Dr Mahathir menolak andaian kononnya ia gagal membawa manfaat besar dan lebih kepada ucapan serta perbincangan saban tahun.

Bekas Perdana Menteri sebaliknya berkata dialog itu sebenarnya mencapai kejayaan sehingga membolehkan pemimpin negara peserta, kebanyakannya negara membangun dan mundur di selatan mengenali lebih rapat di antara satu sama lain.

Malah katanya, melalui siri dialog itu juga, mereka lebih memahami masalah dan mengenal pasti kelebihan serta kelemahan sesebuah negara bagi merintis kerjasama dalam pelbagai bidang.

"Malaysia sepatutnya lebih mendapat faedah daripada mana-mana negara peserta lain kerana kita mempunyai keupayaan untuk melabur dan meraih faedahnya," katanya.